

15 OCT 2003

Nik Aziz-dinar emas

NIK AZIZ MINTA OIC TERIMA PENGGUNAAN DINAR EMAS

KOTA BAHARU, 15 Okt (Bernama) -- Ketua-ketua negara Islam yang sedang menghadiri sidang kemuncak mereka di Kuala Lumpur, diminta menerima penggunaan Dinar Emas yang disyorkan oleh Malaysia sebagai alternatif kepada mata wang antarabangsa.

Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata penggunaan Dinar Emas merupakan peluang yang baik bagi mengelak daripada terlalu bergantung kepada sesuatu mata wang antarabangsa seperti Dollar Amerika Syarikat dan Euro.

Sidang Kemuncak OIC Ke-10 di Putrajaya sekarang merupakan peluang terbaik untuk membuat keputusan mengenai penggunaan mata wang baru itu, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri Kelantan di sini, hari ini.

Penggunaan Dinar Emas itu adalah ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Nik Aziz berkata penggunaan Dinar Emas itu juga dapat mematahkan sikap takbur dan sombong negara-negara Eropah selama ini.

Mengenai kenyataan Naib Presiden PAS Datuk Dr Hassan Ali semalam bahawa parti itu tidak pernah bercita-cita untuk menubuhkan negara Islam di negara ini, beliau berkata perkataan negara Islam telah lama digugurkan dalam perjuangan parti itu kerana terlalu banyak serangan.

Bagaimanapun, katanya, hala tuju perjuangan PAS adalah bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang hidup secara Islam.

Hassan dilaporkan sebagai berkata penubuhan negara Islam hanya disensasikan oleh pihak media tetapi PAS sebenarnya tidak berhasrat menubuhkannya.

-- BERNAMA

BD MAI